

# DESKRIPSI PERGERAKAN TARIAN BERJALAN DALAM DIMENSI HORIZONTAL DAN VERTIKAL PERSEMBAHAN TEATER TRADISIONAL MEK MULUNG

*DESCRIPTION OF DANCE MOVEMENTS IN THE WALKING DANCE WITHIN  
HORIZONTAL AND VERTICAL DIMENSIONS OF TRADITIONAL MEK MULUNG  
THEATER PERFORMANCE*

**Khairul Anuar ZAINUDIN\*<sup>1</sup>**

**Mohd. Effindi SAMSUDDIN<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup> Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>1</sup>khairulanuarz@uitm.edu.my.com

<sup>2</sup>effindi@um.edu.my

Corresponding author\*

Received: 4<sup>th</sup> June 2024

Accepted: 30<sup>th</sup> September 2024

## ABSTRAK

Penulisan ini menguraikan deskripsi pergerakan Tarian Berjalan dalam dimensi horizontal dan vertikal dalam konteks persembahan teater tradisional Mek Mulung. Tarian Berjalan merupakan sebuah segmen tarian yang dipersembahkan selepas lagu Gerak Timpuh, diiringi oleh muzik instrumental tanpa vokal dalam bahagian pra persembahan Mek Mulung. Deskripsi pergerakan Tarian Berjalan ini melibatkan empat bahagian tarian dan lagu instrumental yang terdapat dalam prolog, iaitu Tarian Puteri Mabuk, Tarian Anak Menora, Tarian Gambang, dan Tarian Sendayung, yang ditarikan dalam formasi bulatan atau lingkaran. Setiap tarian mempersembahkan gerakan tangan dan kaki yang spesifik, diiringi oleh muzik tertentu, dengan tujuan untuk mencapai objektif kajian berkaitan penstrukturan pergerakan tari dalam seni persembahan teater tradisional Mek Mulung. Penyelidikan ini menggunakan analisis teori Struktur Tarian oleh Giurchescu (1992) dan pendekatan Kaeppler (2007) terhadap struktur tarian, yang mencakupi analisis pergerakan serta persembahan dari perspektif horizontal dan vertikal. Reka bentuk penyelidikan kualitatif telah diaplikasikan dalam kajian ini, dengan pengumpulan data melalui kaedah kajian kes, temubual, pemerhatian turut serta, dan penelitian dokumen. Dapatan kajian ini menumpukan kepada penghasilan proses kerja kreatif dan penstrukturan pergerakan tari dalam Tarian Berjalan dalam persembahan teater tradisional Mek Mulung.

**Kata kunci:** tarian berjalan; struktur persembahan; teater tradisional Mek Mulung

### ABSTRACT

This paper provides a detailed description of the movement in the *Tarian Berjalan* (Walking Dance) within the horizontal and vertical dimensions in the context of traditional Mek Mulung theatre performance. The Walking Dance is a segment presented after the Gerak Timpuh song, accompanied by instrumental music without vocals in the pre-performance section of Mek Mulung. The description of the Walking Dance movement includes four dance sections and instrumental music featured in the prologue, namely the *Tarian Puteri Mabuk*, *Tarian Anak Menora*, *Tarian Gambang*, and *Tarian Sendayung*, performed in a circular or ring formation. Each dance presents specific hand and foot movements, accompanied by particular music, with the aim of achieving the research objectives related to the structuring of dance movements in traditional Mek Mulung theatre. This study employs the Structure of Dance theory by Anca Giurchescu (1992) and Kaeppler's (2007) approach to dance structure, encompassing movement and performance analysis from horizontal and vertical perspectives. A qualitative research design has been applied in this study, with data collection through case studies, interviews, participant observation, and document analysis. The findings focus on the creative process and structuring of dance movements in the Walking Dance within the traditional Mek Mulung theatre performance.

Keywords: *Tarian Berjalan*; performance structure; traditional Mek Mulung theater

## Pengenalan

Tarian Berjalan merupakan sebuah persembahan tarian yang dilakukan selepas lagu gerak timpuh yang diiringi oleh muzik melalui lagu instrumental tanpa nyanyian atau vokal di bahagian pra persembahan Mek Mulung. Tarian berjalan ini melibatkan empat bahagian tarian dan lagu instrumental yang terdapat di dalam prolog iaitu Tarian Puteri Mabuk, Tarian Anak Menora, Tarian Gambang dan Tarian Sendayung yang ditarikan di dalam bulatan atau lingkaran. Setiap tarian memaparkan gerak-geri tangan dan kaki yang spesifik dan diiringi dengan lagu tertentu.

Melalui pendekatan yang diusulkan oleh Kaeppler (2007) terhadap struktur tarian, pergerakan dan persembahan tarian Berjalan dalam Mek Mulung dapat dianalisis dengan lebih mendalam. Kaeppler membahagikan konsep ini dan mencadangkan beberapa perbezaan dalam pandangannya. Dimensi konseptual yang ditemui dalam tarian melibatkan bentuk, iaitu sistem kandungan yang terdiri daripada struktur dan gaya. Struktur dalam tarian ini merangkumi sistem pengetahuan khusus tentang bagaimana kinemes bergabung menjadi morphokines, yang seterusnya bergabung dengan motif, dan seterusnya dengan choremes, sebelum membentuk keseluruhan tarian. Pendekatan ini dijalankan untuk menyokong penyataan masalah kajian mengenai kepentingan elemen tarian dalam setiap lagu yang dinyanyikan dan dialunkan, yang memerlukan pergerakan khusus serta fungsi tertentu. Begitu juga, kajian ini melibatkan penyataan permasalahan mengenai persembahan versi komersial yang telah mengakibatkan penstrukturan konsep asal tradisi Mek Mulung terhakis. Hal ini menyebabkan persembahan tersebut kini lebih bersifat hiburan berbanding dengan konteks asalnya.

Berdasarkan kerangka teori yang disusun dan dipilih melalui teori struktur tarian oleh Giurchescu (1992) dan pendekatan oleh Keappler (2007) menegaskan bahawa bentuk tarian atau koreografi harus dibina melalui kesatuan dalaman, bagi memperjelaskan hubungan dan perkaitan antara satu sama lain. Mempunyai kaitan dengan analisis struktur secara horizontal, bahawa unit-unit dalam struktur tarian terdiri daripada unit kecil yang disusun berperingkat-peringkat atau berfasa-fasa di dalam sebuah persembahan dan ditambah dengan gaya. Akhirnya unit-unit ini dapat memenuhi ruang horizontal pada sesebuah persembahan atau koreografi.

Teori dan pendekatan yang dinyatakan mengenai struktur tarian dapat memperjelaskan objektif kajian dalam mengkaji hubungan antara struktur tarian dengan pemecahan dan penggabungan unit-unit kecil dalam penstrukturan serta deskripsi pergerakan Tarian Berjalan. Penstrukturan Tarian Berjalan dalam Mek Mulung ini berdasarkan kepada motif gerak yang telah dijelaskan oleh Zahari dan Yusoff (2022) melalui temubual, pemerhatian turut serta, dan penelitian dokumen. Nur Izzati (2024) menyatakan bahawa Zamzuriah Zahari merupakan seorang anak didik kepada pewaris Pak Saad, yang mahir dalam pergerakan tari dalam persembahan Mek Mulung. Metodologi penyelidikan ini melibatkan temubual berstruktur bersama informan serta pemerhatian turut serta semasa proses latihan dan persembahan.

### Struktur Pergerakan dengan Motif Gerak Posisi Tangan dan Kaki Melalui Perspektif Vertikal

Berdasarkan pengaplikasian analisis struktur pergerakan tari yang dikemukakan oleh Kaeppler (2007), setiap pergerakan tari dapat dianalisis melalui perspektif vertikal dalam struktur pergerakan. Perspektif ini membolehkan perincian dilakukan terhadap gaya pergerakan yang terdapat dalam struktur persembahan, khususnya pergerakan tarian Berjalan. Setiap gerakan tari dalam tarian Berjalan dilakukan dengan motif pergerakan tertentu, di mana posisi tangan dan kaki memainkan peranan penting dalam menyampaikan simbol, gaya, serta makna yang terkandung dalam teknik pergerakan tersebut.

Melalui temu bual dan pemerhatian turut serta bersama Zamzuriah Zahari (2022), didapati terdapat 8 motif posisi tangan yang digunakan dalam tarian Berjalan, iaitu Layar Sirih, Susun Sirih, Telapak Dua, Dayung, Limbai Menapak, Lenggang Menapak, Limbai Tarik, dan Lenggang Melimbai. Bagi posisi kaki pula, terdapat 9 motif yang digunakan, termasuk Berdiri, Berjalan, Langkah Geser, Langkah Mabuk, Langkah Silang Sangkut, Langkah Lompat Kuda, Langkah Berganda, Duduk Lutut Tunggal, dan Kirat Pusing. Jadual 1.0 merujuk kepada nama-nama pergerakan pada posisi tangan dan kaki dalam tarian Berjalan yang digunakan pada bahagian pra persembahan Mek Mulung (Zamzuriah & Yuszaidy, 2022)

**Jadual 1.0**

*Motif Posisi Tangan dan Kaki*

BIL	POSISI TANGAN	BIL	POSISI KAKI
1.	Layar Sirih	1.	Berdiri
2.	Susun Sirih	2.	Berjalan
3.	Telapak Dua	3.	Langkah Geser
4.	Dayung	4.	Langkah Mabuk
5.	Limbai Menapak	5.	Langkah Silang Sangkut
6.	Limbai Tarik	6.	Langkah Lompat Kuda
7.	Lenggang Menapak	7.	Langkah Berganda
8.	Lenggang Melimbai	8.	Duduk Lutut Tunggal
		9.	Kirat Pusing

Setiap Setiap tahap pergerakan seperti yang disusun dalam jadual di atas boleh dianalisis melalui perspektif vertikal oleh Kaeppler, iaitu dengan meneliti bagaimana *Kinemes (K)* bergabung menjadi *Morphokines (M)* dan seterusnya membentuk *Motif (MF)*. *Kinemes* merujuk kepada pergerakan minimum yang tidak mempunyai makna, yang terdiri daripada unit-unit asas dalam tarian tradisi. *Morphokines* pula merupakan unit terkecil yang mempunyai makna sebagai pergerakan dalam struktur tarian, dan disusun menjadi beberapa motif pergerakan. *Motif* merujuk kepada urutan atau susunan pergerakan yang terdiri daripada kinemes dan morphokines, yang bersama-sama membentuk entiti pergerakan pendek yang mengandungi makna tersendiri.

Dengan pendekatan ini, setiap pergerakan dalam persembahan boleh difahami bukan sahaja dari segi fizikalnya, tetapi juga dari segi makna dan fungsi dalam konteks keseluruhan

struktur tarian. Analisis ini membolehkan pengkaji melihat bagaimana elemen-elemen asas dalam pergerakan tarian Mek Mulung disusun untuk menyampaikan makna yang lebih besar, serta bagaimana pergerakan ini berfungsi dalam menyokong naratif dan emosi dalam persembahan.


### Struktur Persembahan Melalui Perspektif Horizontal

Kaeppler (2007) menegaskan bahawa struktur tarian atau bentuk persembahan harus dibangunkan melalui kesatuan dalaman untuk memperjelaskan hubungan dan perkaitan antara elemen-elemen yang berbeza. Pendekatan ini berkait rapat dengan analisis struktur secara horizontal, di mana unit-unit dalam struktur persembahan terdiri daripada elemen-elemen kecil yang disusun secara berperingkat atau berfasa dalam sesebuah persembahan, sambil menambah gaya yang tersendiri.

Merujuk kepada struktur persembahan tarian Berjalan secara horizontal yang dinyatakan oleh Zamzuriah (2019) dan Zamzuriah & Yuszaidy (2022) melalui temu bual, pemerhatian, dan penelitian dokumen, terdapat empat bahagian utama dalam pra-persembahan Mek Mulung. Bahagian-bahagian ini melengkapkan keseluruhan persembahan tarian Berjalan melalui empat struktur utama, iaitu Tarian Puteri Mabuk, Tarian Anak Menora, Tarian Gambang, dan Tarian Sendayung. Setiap tarian ini dipersembahkan dalam bentuk bulatan atau lingkaran, dengan iringan muzik instrumental tanpa nyanyian atau vokal (Rujuk Rajah 1.0). Setiap bahagian mempunyai gerakan yang tersendiri, yang melambangkan struktur bahagian masing-masing dalam tarian Berjalan Mek Mulung.

#### Rajah 1.0

*Struktur Persembahan Tarian Berjalan Mek Mulung Di Bahagian Pra Persembahan Mek Mulung*



#### Analisis Pergerakan Tarian Puteri Mabuk

Tarian Puteri Mabuk merupakan sebuah permulaan gerakan tarian Berjalan yang diiringi dengan muzik melalui lagu instrumental Puteri Mabuk tanpa nyanyian selepas nyanyian lagu bertabik dan tarian gerak bertimpuh di tarikan secara melingkar di dalam bulatan.

**Rajah 1.1**

*Motif Pergerakan Posisi Tangan dan Kaki yang Dilakukan Berdasarkan Perspektif Vertikal Melalui Struktur Persembahan Tarian Puteri Mabuk*



Berdasarkan Rajah 1.1, susunan dan urutan pergerakan Tarian Puteri Mabuk yang terdapat dalam pra-persembahan Mek Mulung dapat dijelaskan seperti berikut. Pergerakan dimulakan dengan motif pergerakan posisi tangan yang dikenali sebagai *Layar Sirih*, diikuti dengan motif pergerakan posisi kaki iaitu berjalan ke belakang yang disertai dengan bunyi serunai. Kemudian, motif pergerakan tangan *Daun Sirih* dilaksanakan bersama dengan motif pergerakan kaki *Langkah Geser*, membentuk formasi lantai berbentuk bulatan atau lingkaran. Setelah formasi bulatan atau lingkaran terbentuk, motif pergerakan tangan *Susun Sirih* dilakukan dengan motif pergerakan kaki *Langkah Mabuk*, di mana penari melangkah mengikut arah lawan jam di sekitar bulatan atau lingkaran yang telah dibentuk. Akhirnya, motif pergerakan tangan *Limbai Menapak* diteruskan selepas *Susun Sirih*, menggunakan langkah yang sama iaitu *Langkah Mabuk*.

Apabila pertukaran lagu berdasarkan serunai berlaku, motif pergerakan pada posisi tangan *Dayung* akan diselaraskan dengan motif pergerakan pada posisi kaki yang berjalan setempat. Pergerakan ini kemudian diikuti dengan motif pergerakan pada posisi tangan *Layar Sirih*, *Susun Sirih*, dan *Telapak Dua*, yang dilakukan secara serentak dengan motif pergerakan pada posisi kaki *Duduk Lutut Tunggal*.

Tarian Puteri Mabuk dapat dikenal pasti melalui motif gerak-geri posisi tangan dan kaki yang khusus, iaitu motif pergerakan posisi tangan *Limbai Menapak* dan posisi kaki *Langkah*

*Mabuk*. Penari memulakan tarian dengan mengangkat tangan kanan secara melengkung, dengan tapak tangan menghadap ke atas dan empat jari menghala ke atas, manakala tangan kiri diluruskan pada sisi badan dalam posisi tangan *Cubit Kain* di sebelah peha kiri. Semasa tangan kanan diangkat, kaki kiri melangkah satu langkah ke depan dengan posisi kaki *Langkah Mabuk*. Motif pergerakan bagi posisi tangan dan kaki ini bertukar secara bergilir-gilir antara kanan dan kiri. Setelah motif pergerakan posisi tangan *Limbai Menapak* di sebelah kanan selesai, motif yang sama dilakukan di sebelah kiri, diikuti dengan pergerakan posisi kaki *Langkah Mabuk* secara bergilir-gilir.

Penari bergerak satu langkah ke hadapan dalam formasi lantai bulatan, sambil bertukar motif gerak-geri tangan dan rentak kaki pada setiap bit ke-16 dalam lagu. Sebagai contoh, tangan kanan diangkat secara melengkung manakala tangan kiri berada di sisi kiri badan sambil mencubit kain, sementara kaki kiri melangkah satu langkah ke hadapan berbanding kaki kanan. Pertukaran gerak-geri tangan dan rentak kaki pada setiap bit ke-16 diulang secara berselang-seli sepanjang tarian Puteri Mabuk.

Menurut Toh Lai Chee (2006), Tarian Puteri Mabuk disertai oleh lagu khusus yang dikenali sebagai Lagu Puteri Mabuk. Lagu ini menggunakan struktur kolotomik yang ditandai dengan gong pada setiap bit keempat, mong dan canang pada setiap bit, serta kecerek pada setiap bit keempat (bar 1, gong, mong, dan kecerek). Iringan lagu ini disertai oleh pukulan rebana dalam pusingan rentak 16-bit (Bar 1-4, 5-8, rebana). Rentak pokok rebana ibu diiringi oleh rebana penganak dalam rentak 16-bit yang berbeza, sementara rebana peningkah memainkan bit secara berterusan, menaik dan menurun. Gabungan peningkah oleh rebana ibu dan penganak menghasilkan rentak 16-bit dalam Lagu Puteri Mabuk.

## Rajah 1.2

Notasi Lagu Puteri Mabuk (Toh Lai Chee, 2006)


The image shows a musical score for 'Lagu Puteri Mabuk' with a tempo marking of  $J = 126$ . The score is written in 2/4 time and consists of seven staves. The instruments are: Seruni (top staff), Rebana Ibu, Rebana Penganak, Rebana Peningkah, Mong/Canang, Kecerek, and Gong (bottom staff). The Seruni staff has four measures, each starting with a number (1, 2, 3, 4) above the first note. The Gong staff shows a series of 'G' notes corresponding to the 4th, 8th, 12th, and 16th bits of the 16-bit cycle.

Berdasarkan notasi atau skor muzik barat yang dikemukakan oleh Toh Lai Chee (2006) (rujuk Rajah 1.3) dan skor muzik tradisional oleh Kamarul (2017) (rujuk Rajah 1.4), Kamarul (2017) menyatakan bahawa lagu "Puteri Mabuk" dimulakan dengan paluan rebana ibu yang berselang dengan bunyi gong pada tahap pertama, kedua, ketiga, dan keempat (16 bit)

(Kamarul, 2017). Lagu ini diiringi oleh serunai selama 16 bit dan merupakan sebuah karya yang dimainkan bersama pergerakan tari. Setiap notasi atau skor muzik tradisional ini diulang sebanyak enam kali dalam pusingan muzik yang dimainkan.

**Rajah 1.3**

*Notasi / Skor Muzik Barat Lagu Puteri Mabuk (Toh Lai Chee, 2006)*



**Rajah 1.4**

*Notasi / Skor Muzik Tradisional Lagu Puteri Mabuk (Kamarul, 2017)*



Merujuk kepada pergerakan Tarian Puteri Mabuk yang ditarikan berdasarkan motif pergerakan Puteri Mabuk (Rujuk Rajah 1.5), pergerakan akan dilakukan selepas paluan rebana ibu dan bunyian gong kedua (8 Bit) yang menandakan kiraan yang pertama dan kedua. Setiap 4 Bit menandakan kiraan 1 dalam melakukan pergerakan. Sebagai contoh permulaan motif pergerakan ([Layar Sirih + Berjalan = 4 Bit (Bar C)] = Kiraan 1).

**Jadual 1.1**


*Analisis Pergerakan Berdasarkan Kiraan dalam Tarian Puteri Mabuk*

MOTIF PERGERAKAN POSISI TANGAN	MOTIF PERGERAKAN POSISI KAKI	KIRAAN
LAYAR SIRIH	BERJALAN	1,2,3,4,5,6
DAUN SIRIH	LANGKAH GESER	1,2,3,4
SUSUN SIRIH	LANGKAH MABUK	1,2,3,4,5,6
LIMBAI MENAPAK	LANGKAH MABUK	1,2,3,4,5,6,7
DAYUNG	BERJALAN	1,2,3,4,5,6,7,8
LAYAR SIRIH	DUDUK LUTUT TUNGGAL	1,2,3,4
SUSUN SIRIH	DUDUK LUTUT TUNGGAL	5,6
TELAPAK DUA	DUDUK LUTUT TUNGGAL	7,8



**Rajah 1.5**


*Analisis Motif Pergerakan Berdasarkan Bit Lagu Tarian Puteri Mabuk*



Berdasarkan kepada muzik pertukaran lagu dari lagu Puteri Mabuk kepada lagu Menora, terdapat sebuah lagu transisi yang dimainkan dengan rebana ibu dipalu pada 4 Bit (Bar A) untuk menandakan isyarat pertukaran lagu bermula dan diteruskan dengan paluan rebana pada Bar B dan Bar C. Paluan rebana pada Bar B dan Bar C dimainkan secara berulang sebanyak 2 ulangan 8 Bit (2 Set).

**Rajah 1.6**

*Analisis Motif Pergerakan Berdasarkan Bit Pertukaran Lagu*



Merujuk kepada pergerakan berdasarkan pertukaran lagu yang ditarikan berdasarkan motif pergerakan Puteri Mabuk (Rujuk Rajah 1.6), pergerakan akan dilakukan selepas paluan rebana ibu dan bunyian gong pertama (4 Bit) yang menandakan kiraan yang pertama. Setiap 4 Bit menandakan kiraan 2 dalam melakukan pergerakan. Sebagai contoh permulaan motif pergerakan ([Dayung + Berjalan] + [Dayung + Berjalan] = 4 Bit (Bar B)) = Kiraan 1 dan 2).

**Analisis Pergerakan Tarian Anak Menora**

Tarian Anak Menora akan diteruskan selepas tarian Puteri Mabuk dengan diiringi muzik melalui lagu instrumental Anak Menora tanpa nyanyian, secara bersambung dalam lingkaran bulatan yang sama. Berdasarkan Rajah 1.7, berikut adalah susunan dan urutan pergerakan Tarian Anak Menora yang dilakukan selepas pergerakan Tarian Puteri Mabuk. Tarian ini dimulakan selepas motif pergerakan posisi tangan *Telapak Dua* yang digabungkan dengan motif pergerakan posisi kaki *Duduk Lutut Tunggal* dari pergerakan Puteri Mabuk. Kemudian, pergerakan berlanjutan dengan motif posisi tangan *Lenggang Menapak* dan *Lenggang Melimbai*, bersama dengan motif posisi kaki *Berdiri* dan *Kirat Pusing* setempat. Susunan ini diikuti semula dengan motif pergerakan posisi tangan *Layar Sirih*, *Susun Sirih*, dan *Telapak Dua*, serta motif posisi kaki *Duduk Lutut Tunggal*.

Tarian Anak Menora dapat dikenali melalui gerak-geri spesifik yang melibatkan posisi tangan dan kaki. Motif pergerakan ini termasuk posisi tangan *Limai Menapak*, yang serupa dengan pergerakan tarian Puteri Mabuk, dan posisi kaki *Langkah Silang Sangkut*. Penari memulakan tarian dengan mengangkat tangan kanan secara melengkung dengan tapak tangan menghadap ke atas dan empat jari menghala ke atas, sementara tangan kiri diluruskan di sisi badan dengan motif pergerakan posisi tangan *Cubit Kain* di sisi peha kiri. Semasa tangan kanan

diangkat, kaki kanan melangkah satu langkah ke depan dengan kaki kiri tergantung di hadapan kaki kanan, menggambarkan motif pergerakan posisi kaki *Langkah Silang Sangkut*. Motif pergerakan ini, yang melibatkan posisi tangan dan kaki, bertukar secara bergilir-gilir antara kanan dan kiri. Setelah selesai melakukan motif pergerakan posisi tangan *Limbai Menapak* di sebelah kanan, penari kemudian melaksanakan motif pergerakan posisi tangan yang sama di sebelah kiri, juga secara bergilir-gilir dengan motif pergerakan posisi kaki *Langkah Silang Sangkut*.

**Rajah 1.7**

*Motif Pergerakan Posisi Tangan dan Kaki yang Dilakukan Berdasarkan Perspektif Vertikal Melalui Struktur Persembahan Tarian Anak Menora.*



Penari mengangkat tangan kanan secara melengkung dengan tapak tangan menghadap ke hadapan, yang merupakan motif pergerakan posisi tangan *Limbai Menapak*. Pada masa yang sama, tangan kiri diluruskan di sisi kiri badan dengan motif pergerakan posisi tangan *Cubit Kain*. Motif pergerakan posisi kaki mengikuti *Langkah Silang Sangkut*, di mana kaki kanan melangkah dan bergerak satu langkah ke hadapan pada setiap bit keempat. Menurut Toh Lai Chee (2006), Tarian Anak Menora diiringi oleh Lagu Anak Menora yang mempunyai struktur ritma tertentu. Gong dimainkan pada setiap bit ke-8, mong pada setiap bit ke-2, dan kecerek pada setiap bit ke-4. Rebana dipalu secara meningkah dalam pusingan rentak 8 bit. Rentak pokok rebana ibu ditingkah dengan rebana penganak dalam rentak 8 bit yang berbeza, menghasilkan satu rentak terhasil sepanjang 8 bit.

Perhubungan yang ketara dapat dikesan antara struktur kolotomik dan rentak dalam Lagu Anak Menora dengan pertukaran posisi pergerakan dan rentak dalam gerak-geri tarian Anak Menora. Kecerek yang ditanda pada setiap bit ke-4 memberikan isyarat untuk pertukaran posisi tangan, menunjukkan pentingnya elemen ritma dalam mengarahkan perubahan dalam pergerakan tangan semasa tarian.

**Rajah 1.8**

*Notasi Lagu Anak Menora (Toh Lai Chee, 2006)*



Berdasarkan notasi atau skor muzik Barat oleh Toh Lai Chee (2006) (rujuk Rajah 1.9) dan skor muzik tradisional oleh Kamarul (2017) (rujuk Rajah 1.10), lagu Puteri Mabuk dimulakan dengan paluan rebana ibu diikuti dengan bunyi gong yang pertama selama 4 bit. Kemudian, diikuti dengan 8 bit yang mengandungi lagu Anak Menora, yang dimainkan sambil diiringi dengan pergerakan tari. Notasi/skor muzik tradisional ini akan diulang sebanyak 13 kali sepanjang pusingan muzik dimainkan (Kamarul, 2017).

**Rajah 1.9**

*Notasi / Skor Muzik Barat Lagu Anak Menora (Toh Lai Chee, 2006)*



**Rajah 1.10**

*Notasi / Skor Muzik Tradisional Lagu Anak Menora (Kamarul, 2017)*

Rebana Ibu		C C C C		C D - D		C C C C
Gong				G		

Merujuk kepada pergerakan Tarian Anak Menora yang ditarikan berdasarkan motif pergerakan Anak Menora (Rujuk Rajah 1.11), pergerakan akan dilakukan selepas paluan rebana ibu dan bunyian gong kedua (8 Bit) Bar A yang menandakan kiraan yang pertama. Setiap 4 Bit menandakan kiraan 1 dalam melakukan pergerakan. Sebagai contoh permulaan motif pergerakan ([Lenggang Menapak + Berdiri = 4 Bit (Bar C)] = Kiraan 1).

**Jadual 1.2**

*Analisis Pergerakan Berdasarkan Kiraan dalam Tarian Anak Menora*

Rebana Ibu	C C C C	C D - D	C C C C
	4 Bit (Bar A)	4 Bit (Bar B)	4 Bit (Bar C)
	8 Bit (1 Set)		
MOTIF PERGERAKAN POSISI TANGAN DAN KAKI ANAK MENORA			
BAR / SET	BAR A	BAR B	BAR C
8 BIT (1 SET)	-	-	LENGGANG MENAPAK + BERDIRI
8 BIT (2 SET)	-	LENGGANG MENAPAK + BERDIRI	LENGGANG MENAPAK + BERDIRI
8 BIT (3 SET)	-	LENGGANG MENAPAK + BERDIRI	LENGGANG MELIMBAI + KIRAT PUSING
8 BIT (4 SET)	-	LENGGANG MELIMBAI + KIRAT PUSING	LAYAR SIRIH + DUDUK LUTUT TUNGGAL
8 BIT (5VSET)	-	LAYAR SIRIH + DUDUK LUTUT TUNGGAL	LIMBAI MENAPAK + LANGKAH SILANG SANGKUT
8 BIT (6 SET)	-	LIMBAI MENAPAK + LANGKAH SILANG SANGKUT	LIMBAI MENAPAK + LANGKAH SILANG SANGKUT
8 BIT (7 SET)	-	LIMBAI MENAPAK + LANGKAH SILANG SANGKUT	LIMBAI MENAPAK + LANGKAH SILANG SANGKUT
8 BIT	-	LIMBAI MENAPAK +	LIMBAI MENAPAK +

**Rajah 1.11**


*Analisis Motif Pergerakan Berdasarkan Lagu Tarian Anak Menora*

MOTIF PERGERAKAN POSISI TANGAN	MOTIF PERGERAKAN POSISI KAKI	KIRAAN
LENGGANG MENAPAK	BERDIRI	1,2,3,4
LENGGANG MELIMBAI	KIRAT PUSING	5,6
LAYAR SIRIH	DUDUK LUTUT TUNGGAL	7,8
LIMBAI MENAPAK	DUDUK LUTUT TUNGGAL	1,2,3,4,5,6,7,8 1,2,3,4,5,6,7,8
DAYUNG	BERJALAN	1,2,3,4,5,6,7,8
LAYAR SIRIH	DUDUK LUTUT TUNGGAL	1,2,3,4
SUSUN SIRIH	DUDUK LUTUT TUNGGAL	5,6
TELPAK DUA	DUDUK LUTUT TUNGGAL	7,8

Berdasarkan kepada muzik pertukaran lagu dari lagu Anak Menora kepada lagu Gambang, terdapat sebuah lagu transisi yang dimainkan dengan rebana ibu dipalu pada 4 Bit (Bar A) untuk menandakan isyarat pertukaran lagu bermula dan diteruskan dengan paluan rebana pada Bar B dan Bar C. Paluan rebana pada Bar B dan Bar C dimainkan secara berulang sebanyak 2 ulangan 8 Bit (2 Set).

**Rajah 1.12**

*Analisis Motif Pergerakan Berdasarkan Bit Pertukaran Lagu*



Merujuk kepada pergerakan berdasarkan pertukaran lagu yang ditarikan berdasarkan motif pergerakan Anak Menora (Rujuk Rajah 1.12), pergerakan akan dilakukan selepas paluan rebana ibu dan bunyian gong pertama (4 Bit) yang menandakan kiraan yang pertama. Setiap 4 Bit menandakan kiraan 2 dalam melakukan pergerakan. Sebagai contoh permulaan motif pergerakan ([Dayung + Berjalan] + [Dayung + Berjalan] = 4 Bit (Bar B) = Kiraan 1 dan 2).


**Analisis Pergerakan Tarian Gambang**

Tarian Gambang akan disusuli selepas tarian Anak Menora dengan iringan muzik melalui lagu instrumental Gambang tanpa nyanyian secara bersambungan di dalam lingkaran bulatan yang sama.

**Rajah 1.13**

*Motif Pergerakan Posisi Tangan dan Kaki yang Dilakukan Berdasarkan Perspektif Vertikal Melalui Struktur Persembahan Tarian Gambang*

Deskripsi Pergerakan Tarian Berjalan dalam Dimensi Horizontal dan Vertikal



Berdasarkan Rajah 1.13, berikut adalah susunan dan urutan pergerakan dalam Tarian Gambang yang dilakukan selepas pergerakan Tarian Anak Menora. Selepas motif pergerakan dengan posisi tangan *Telapak Dua* dan posisi kaki *Duduk Lutut Tunggal*, Tarian Gambang dimulakan dengan motif pergerakan posisi tangan *Daun Sirih* dan *Layar Sirih*, diiringi dengan motif pergerakan posisi kaki *Berjalan* dalam formasi bulatan atau lingkaran. Susunan ini kemudiannya diikuti dengan motif pergerakan posisi tangan *Susun Sirih* bersama motif pergerakan posisi kaki *Duduk Lutut Tunggal*.

Tarian Gambang dikenali melalui gerak-geri posisi tangan dan kaki yang spesifik, iaitu motif pergerakan tangan seperti *Daun Sirih* dan *Layar Sirih*, serta motif pergerakan kaki *Berjalan*. Penari memulakan tarian dengan merapatkan kedua-dua belah tangan di hadapan dada, sambil melangkah dengan membuat lengkungan kecil pada setiap pertukaran posisi kaki *Berjalan*. Selepas itu, motif pergerakan tangan *Layar Sirih* dilaksanakan selepas posisi tangan *Daun Sirih*, sementara motif pergerakan kaki *Berjalan* terus diteruskan dalam formasi bulatan atau lingkaran.

Menurut Toh Lai Chee (2006), Lagu Gambang dimainkan untuk mengiringi tarian Gambang dan ditandakan oleh gong pada setiap bit ke-8, mong dan kecerek pada setiap bit ke-2 dalam pusingan rentak 8 bit yang dihasilkan oleh pukulan rebana secara meningkah. Rentak pokok 8 bit yang dihasilkan oleh rebana ibu ditingkah oleh rebana penganak dengan corak rentak 8 bit yang berlainan, menghasilkan rentak Lagu Gambang. Pertalian antara struktur kolotomik lagu, yang ditandakan oleh gong pada setiap bit ke-8 dalam pusingan rentak 8 bit, dan pergerakan tarian Gambang dapat dilihat melalui pertukaran rentak kaki. Penari bergerak satu langkah dalam pola lantai bulatan pada setiap bit ke-24, berdasarkan tiga pusingan

struktur kolotomik yang ditandakan oleh gong pada bit ke-8 dan tiga pusingan rentak 8 bit yang dihasilkan oleh pukulan rebana.

**Rajah 1.14**

*Notasi Lagu Gambang (Toh Lai Chee, 2006)*

The image shows a musical score for 'Lagu Gambang' with a tempo of J = 112. The score is written for seven instruments: Serunai (melody), Rebana Ibu, Rebana Penganak, Rebana Peningkah, Mong/Canang, Kecerek, and Gong. The Serunai part has four measures with some triplets. The Rebana parts provide a rhythmic accompaniment. The Gong part shows two strikes, labeled 'G', occurring at the end of the first and third measures.

Berdasarkan notasi atau skor muzik Barat oleh Toh Lai Chee (2006) (rujuk Rajah 1.15) dan skor muzik tradisional oleh Kamarul (2017) (rujuk Rajah 1.16), lagu Gambang dimulakan dengan pemaluan rebana ibu yang berselang dengan bunyi gong pertama (4 bit). Lagu ini kemudian diikuti dengan 8 bit yang merupakan sebuah lagu Anak Menora yang dimainkan bersama dengan pergerakan tari. Notasi atau skor muzik tradisional ini diulang sebanyak 8 kali sepanjang pusingan muzik (Kamarul, 2017).

**Rajah 1.15**

*Notasi / Skor Muzik Barat Lagu Gambang (Toh Lai Chee, 2006)*

This image shows a simplified musical score focusing on the Rebana Ibu and Gong parts. The Rebana Ibu part consists of a series of rhythmic notes. The Gong part shows two strikes, labeled 'G', occurring at the end of the first and third measures.

**Rajah 1.16**

*Notasi / Skor Muzik Tradisional Lagu Gambang (Kamarul, 2017)*

Rebana Ibu	-	C	-	C	C	D	DD	D	-	C	-	C	C	D	DD	D
Gong								G								G




Deskripsi Pergerakan Tarian Berjalan dalam Dimensi Horizontal dan Vertikal

Merujuk kepada pergerakan Tarian Gambang yang ditarikan berdasarkan motif pergerakan Gambang (Rujuk Rajah 1.17), pergerakan akan dilakukan selepas paluan rebana ibu dan bunyian gong pertama (8 Bit) Bar B yang menandakan kiraan yang pertama. Setiap 4 Bit menandakan kiraan 1 dalam melakukan pergerakan. Sebagai contoh permulaan motif pergerakan ([Daun Sirih + Berjalan = 4 Bit (Bar C)] = Kiraan 1).

MOTIF PERGERAKAN POSISI TANGAN	MOTIF PERGERAKAN POSISI KAKI	KIRAAN
DAUN SIRIH	BERJALAN	1,2,3,4
LAYAR SIRIH	BERJALAN	5,6,7,8
SUSUN SIRIH	DUDUK LUTUT TUNGGAL	1,2
TELAPAK DUA	DUDUK LUTUT TUNGGAL	3,4
LENGGANG MENAPAK	DUDUK LUTUT TUNGGAL	5,6,7,8
LENGGANG MENAPAK	BERJALAN (PUSING)	1,2,3,4, 5,6,7,8,
DAYUNG	BERDIRI	1,2
LAYAR SIRIH	KIRAT PUSING	3
LIMBAI MENAPAK	BERDIRI	4

**Rajah 1.17**

*Analisis Motif Pergerakan Berdasarkan Lagu Tarian Gambang*




Berdasarkan kepada muzik pertukaran lagu dari lagu Gambang kepada lagu Sendayang, terdapat sebuah lagu transisi yang dimainkan dengan rebana ibu dipalu pada 4 Bit (Bar A) untuk menandakan isyarat pertukaran lagu bermula dan diteruskan dengan paluan rebana pada Bar B

dan Bar C. Paluan rebana pada Bar B dan Bar C dimainkan secara berulang sebanyak 2 ulangan 8 Bit (2 Set).

**Rajah 1.18**

*Analisis Motif Pergerakan Berdasarkan Bit Pertukaran Lagu*



Merujuk kepada pergerakan berdasarkan pertukaran lagu yang ditarikan berdasarkan motif pergerakan Gambang (Rujuk Rajah 1.18), pergerakan akan dilakukan selepas paluan rebana ibu dan bunyian gong pertama (4 Bit) yang menandakan kiraan yang pertama. Setiap 4 Bit menandakan kiraan 2 dalam melakukan pergerakan. Sebagai contoh permulaan motif pergerakan ([Dayung + Berjalan] + [Dayung + Berjalan] = 4 Bit (Bar B) = Kiraan 1 dan 2).

**Analisis Pergerakan Tarian Sendayung**

Tarian Sendayung merupakan tarian terakhir yang dipersembahkan di dalam tarian Berjalan yang disusuli selepas tarian Gambang dengan iringan muzik melalui lagu instrumental Sendayung tanpa nyanyian secara bersambungan di dalam lingkaran bulatan yang sama.

**Rajah 1.19**

*Motif Pergerakan Posisi Tangan dan Kaki yang Dilakukan Berdasarkan Perspektif Vertikal Melalui Struktur Persembahan Tarian Sendayung.*



Berdasarkan Rajah 1.19, susunan dan urutan pergerakan Tarian Sendayung selepas pergerakan Tarian Gambang dimulakan dengan motif pergerakan tangan dalam posisi Lenggang Sisi serta motif pergerakan kaki Langkah Berganda. Penari melangkah dalam formasi bulatan atau lingkaran yang sama. Pergerakan ini diikuti dengan motif pergerakan tangan dalam posisi Limbai Tarik bersama motif pergerakan kaki Langkah Lompat Kuda.

Pergerakan Tarian Sendayung disesuaikan dengan struktur kolotomik yang diatur oleh gong dan kecerek serta rentak yang dihasilkan oleh pukulan rebana. Pada setiap bit ke-2 yang ditandakan oleh kecerek, penari bertukar dari pergerakan posisi tangan Limbai Tarik kepada meluruskan tangan kiri, dan seterusnya menghayunkan tangan kiri pada paras dada secara berselang-seli. Penari menghayunkan tangan kiri ke atas pada setiap bit ke-4, sambil bertukar rentak kaki pada bit yang sama, berasaskan struktur kolotomik yang ditandakan oleh gong pada bit ke-4 dalam pusingan rentak 4-bit yang dihasilkan oleh pukulan rebana secara meningkah.

Toh Lai Chee (2006) menyatakan bahawa Lagu Sendayung berasaskan struktur kolotomik yang ditandai oleh gong pada setiap bit keempat. Mong pula ditandai pada setiap bit, manakala kecerek pula ditandai pada setiap bit kedua. Lagu ini diiringi oleh pukulan rebana yang meningkah dalam pusingan rentak empat bit. Rentak pokok empat bit ini ditingkah oleh pemain rebana penganak dengan corak yang hampir serupa, sementara pemain rebana peningkah menghasilkan rentak berterusan pada setiap bit naik dan bit turun dalam lagu yang

sama. Pemain rebana ibu pula menghasilkan improvisasi terhadap rentak pokok dengan memainkan 'tak' menggunakan tangan kiri antara bit pertama dan kedua dalam corak rentak pokok. Hasil daripada peningkatkan ini, rentak Lagu Sendayung terbentuk.

**Rajah 1.20**

*Notasi Lagu Sendayung (Toh Lai Chee, 2006)*

The image shows a musical score titled "Lagu Sedayung" with a tempo marking of  $J = 160$ . The score is written for seven instruments: Serunai, Rebana Ibu (right hand), Rebana Ibu (left hand), Rebana Penganak, Rebana Peningkah, Mong, and Kecerek. The Gong part is indicated by vertical strokes with the letter 'G' below them. The score is divided into five measures, numbered 1 through 5 at the top. The Serunai part has a treble clef and a key signature of one flat. The Rebana parts have a 2/4 time signature. The Gong part is on a single line with a common time signature.

Berdasarkan notasi atau skor muzik Barat oleh Toh Lai Chee (2006) (Rujuk Rajah 1.21) dan skor muzik tradisional oleh Kamarul (2017) (Rujuk Rajah 1.22), lagu Sendayung dimulakan dengan paluan rebana ibu yang berselang dengan bunyi gong pertama (4 bit) (Kamarul, 2017). Kemudian, diikuti dengan 8 bit yang merupakan melodi lagu Sendayung yang dimainkan bersama pergerakan tari. Notasi atau skor muzik tradisional ini akan diulang sebanyak 7 kali dalam setiap pusingan muzik yang dimainkan.

**Rajah 1.21**

*Notasi / Skor Muzik Barat Lagu Sendayung (Toh Lai Chee, 2006)*

The image shows a musical score for "Lagu Sendayung" focusing on the Rebana Ibu (right hand) and Gong. The Rebana Ibu part is written on a single line with a 2/4 time signature and a key signature of one flat. The Gong part is indicated by vertical strokes with the letter 'G' below them. The score is divided into five measures.

**Rajah 1.22**

*Notasi / Skor Muzik Tradisional Lagu Sendayung (Kamarul, 2017)*

Rebana Ibu	C C D D	C C D D	C C D D	C C D D
Gong	G	G	G	G

Merujuk kepada pergerakan Tarian Sendayung yang ditarikan berdasarkan motif pergerakan Sendayung (Rujuk Rajah 1.23), pergerakan akan dilakukan selepas paluan rebana ibu dan bunyian gong pertama (8 Bit) Bar A yang menandakan kiraan yang pertama. Setiap 4 Bit menandakan kiraan 1 dalam melakukan pergerakan. Sebagai contoh permulaan motif pergerakan ([Lenggang Sisi + Langkah Lompat Berganda = 4 Bit (Bar A)] = Kiraan 1).


**Jadual 1.4**

*Analisis Pergerakan Berdasarkan Kiraan Dalam Tarian Sendayung*

MOTIF PERGERAKAN POSISI TANGAN	MOTIF PERGERAKAN POSISI KAKI	KIRAAN
LENGGANG SISI	LANGKAH BERGANDA	1,2,3,4
LIMBAI TARIK	LANGKAH LOMPAT KUDA	5,6,7,8
LAYAR SIRIH	BERJALAN	1,2,3,4
LIMBAI TARIK	LANGKAH LOMPAT KUDA	5,6,7,8 1,2,3,4
DAYUNG	BERDIRI	1,2
LAYAR SIRIH	KIRAT PUSING	3,4
LIMBAI MENAPAK	BERDIRI	5,6

**Rajah 1.23**

*Analisis Motif Pergerakan Berdasarkan Lagu Tarian Sendayung*



Dalam Tarian Sendayung, pergerakan tarian Berjalan mencapai titik penamat apabila motif pergerakan tangan, iaitu Limbai Menapak, dan motif pergerakan kaki, iaitu Berdiri, telah dilakukan. Namun, muzik persembahan tidak berhenti di sini; ia diteruskan dengan sambungan dari lagu instrumental Tarian Sendayung. Selanjutnya, nyanyian Lagu Berjalan akan diteruskan dengan pergerakan tarian yang berasaskan motif pergerakan yang telah dipersembahkan dalam Tarian Berjalan. Berdasarkan muzik yang berterusan dari lagu Sedayung, terdapat tiga bahagian lagu yang perlu dimainkan bersama nyanyian, iaitu "Berjalan Ke Bilik Air," "Ke Pintu Bilik," dan "Makan Pinang," yang disertai dengan motif pergerakan tari yang dinyatakan (Zamzuriah & Yuszaidy, 2022)

## Kesimpulan

Analisis keseluruhan Tarian Berjalan dalam persembahan Mek Mulung menunjukkan bahawa setiap bahagian (Puteri Mabuk, Anak Menora, Gambang, dan Sendayung) memainkan peranan yang signifikan dalam struktur dan naratif keseluruhan persembahan. Setiap tarian mempunyai ciri-ciri unik dan motif pergerakan yang menyumbang kepada pengalaman visual dan emosi penonton. Tarian disusun dalam bentuk bulatan atau lingkaran, dengan muzik instrumental yang berterusan untuk menyatukan pergerakan dan meningkatkan kesinambungan persembahan. Tarian Berjalan dalam persembahan Mek Mulung terdiri daripada empat bahagian utama yang masing-masing mempunyai ciri-ciri unik dan memainkan peranan penting dalam keseluruhan struktur persembahan. Bahagian-bahagian ini adalah Tarian Puteri Mabuk, Tarian Anak Menora, Tarian Gambang, dan Tarian Sendayung. Setiap bahagian tarian disusun dalam bentuk bulatan atau lingkaran, dengan sokongan muzik instrumental tanpa nyanyian atau vokal yang membantu menyatukan pergerakan dan struktur persembahan.

Tarian Puteri Mabuk memulakan persembahan dengan langkah-langkah lembut dan berirama, dengan gerakan tangan dan kaki dalam tarian ini menunjukkan perubahan emosi yang berlaku. Tarian Anak Menora, seterusnya, menonjolkan pergerakan berirama dan berulang, yang mencerminkan interaksi watak dalam naratif. Gerakan berpusing dan melangkah yang digunakan dalam tarian ini menunjukkan hubungan watak dengan keadaan yang dihadapi. Tarian Gambang, yang ketiga dalam urutan, melibatkan gerakan bersemangat dan berstruktur, dengan penggunaan alat muzik sebagai rujukan visual. Langkah-langkah yang lebih cepat dan kompleks menggambarkan peralihan dalam cerita atau suasana. Tarian Sendayung, bahagian terakhir, mencapai kemuncak tarian Berjalan dengan posisi tangan *Limbai Menapak* dan kaki *Berdiri*. Pergerakan ini menandakan penyelesaian naratif dan menyediakan peralihan kepada bahagian seterusnya.

Muzik memainkan peranan penting dalam menyokong dan menghubungkan pergerakan. Muzik instrumental Tarian Sendayung memberikan kesinambungan dalam persembahan, sementara nyanyian dalam Lagu Berjalan, seperti "Berjalan Ke Bilik Air," "Ke Pintu Bilik," dan "Makan Pinang," menambah dimensi ritma dan emosi. Nyanyian ini diteruskan dengan pergerakan tarian yang berasaskan motif pergerakan yang telah dipersembahkan dalam Tarian Berjalan. Dalam dimensi horizontal, susunan dan pola pergerakan menunjukkan perkembangan cerita dengan cara yang teratur dan berperingkat. Gerakan dalam setiap bahagian tarian diatur untuk mencerminkan naratif dan memberikan pengalaman yang berkesinambungan. Sementara itu, dalam dimensi vertikal, perubahan ketinggian dan intensiti pergerakan menambah dimensi visual dan emosi, memberikan penekanan pada elemen-elemen penting dalam persembahan.

Muzik dan nyanyian berperanan sebagai elemen penghubung yang kritikal, dengan muzik instrumental Tarian Sendayung menyediakan kesinambungan, dan nyanyian dalam Lagu Berjalan menambah ritma dan emosi. Nyanyian ini melengkapkan motif pergerakan dengan menyambung elemen-elemen tarian yang telah dipersembahkan sebelumnya. Keseluruhannya, setiap pergerakan dalam Tarian Berjalan bukan sahaja berfungsi untuk memperlihatkan naratif tetapi juga untuk menyampaikan makna simbolik yang mendalam. Struktur dan motif pergerakan memainkan peranan penting dalam menggambarkan perkembangan cerita dan memastikan pemahaman yang lebih mendalam tentang persembahan Mek Mulung. Analisis ini



menggariskan hubungan erat antara muzik, pergerakan, dan naratif, serta menekankan betapa pentingnya setiap elemen dalam membentuk pengalaman persembahan yang menyeluruh dan bermakna.

### Rujukan

- Giurchescu, A. (1992). *Romanian Traditional Dance, A Contextual and Structural Approach*. Romania: Publishing House Express.
- Nur Izzati, J. (2024). *Mek Mulung: Bangkitnya Warisan Turun-Temurun (A Heritage Rediscovered)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Kadir, Z. A. (2014). *Mek Mulung Kesenian Perantaraan Manusia dan Kuasa Ghaib Warisan Kedah Tua*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia.
- Kaepler, A. L. (2007). *Dance Structures Perspectives on The Analysis of Human Movement*. Canada: Akademia Kiado.
- Kamarul, B. (2017, 08 16). Alatan Muzik dan Lagu-lagu Mek Mulung. (Khairul Anuar Zainudin, penemubual)
- Toh, L. C. (2006). Alat Muzik dan Lagu dalam Muzik Mek Mulung. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, Vol. 5, 69–115. <https://ejournal.usm.my/wacanaseni/article/view/ws-vol5-2006-5>
- Zahari, Z. (2019). *Pemuliharaan Mek Mulung Melalui Struktur Persembahan*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zahari, Z. & Yusoff, M. Y. M. (2022). Persembahan Tradisional Mek Mulung di Malaysia: Perubahan Struktur Persembahan. *Jurnal Melayu Sedunia*. Vol. 3. No. 1 (2022), 100-121.